

PANDANGAN KAMI

Berita Minggu

SETIAP masyarakat mempunyai seni mempertahankan dirinya sendiri. Orang-orang Melayu dengan silatnya, Cina dengan kung fu, India dengan kalaripayat, orang-orang Korea dan Jepun dengan judo dan karate dan sebagainya. Pada satu masa dulu seni ini digunakan sebagai senjata untuk beradu kekuatan. Walaupun unsur ini masih tetap wujud, namun seni tersebut — walau apa jua coraknya — telah menjalani banyak perubahan. Apa yang paling jelas sekali ialah seni mempertahankan diri ini kini telah diberikan warna sukan sama ada untuk dipertandingkan ataupun sekadar menjadi salah satu jenis riadah. Seni ini juga tidak lagi semata-mata menjadi 'hak' sesuatu masyarakat.

Seni untuk keharmonian

Oleh kerana itulah apabila Encik Ong Teng Cheong menyebut tentang peranan seni mempertahankan diri untuk memperkuat perpaduan sosial dan keharmonian kaum, "ia bukanlah satu perkara yang mustahil. Apatah lagi apabila apa yang disarankan oleh beliau ialah tentang perlunya pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri di sini menjalin hubungan yang lebih rapat antara satu dengan yang lain. Hasrat beliau itu tidak jauh berbeza dengan pendapat Encik Abdullah Tarmugi apabila beliau berkata bahawa seni silat boleh menjadi jambatan perhubungan antara Singapura dengan negara-negara Barat.

20 DEC 1987

Khusus bagi Singapura, Persatuan Rakyat dapat

memainkan peranan penting dalam mendekatkan pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri di sini, di samping pertubuhan-pertubuhan itu boleh mengambil inisiatif mereka sendiri. Memang tidak diragukan bahawa setiap masyarakat berasa bangga dengan seni mempertahankan dirinya sendiri, dan menganggap bahawa ia adalah lebih baik daripada yang dimiliki oleh masyarakat lain. Namun begitu, ini bukanlah satu alasan kuat yang boleh menghalang pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri di sini untuk menjalin hubungan yang lebih erat, apatah lagi jika yang hendak ditonjolkan ialah unsur kemahiran daripada salah satu cabang sukan.